KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	22/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	TNB			

400 pencawang elektrik masih tutup di Selangor

Shah Alam: Sebanyak 400 pencawang elektrik di seluruh Selangor masih tidak dapat berfungsi susulan bencana banjir.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Izham Hashim berkata, perkara itu dimaklumkan kepadanya menerusi pertemuan dengan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) kelmarin.

"Masalah utama bekalan elektrik. Semalam (kelmarin), melalui perbincangan (TNB memaklumkan), daripada kira-kira 1,000 pencawang elektrik di seluruh Selangor, 400 masih belum dapat dihidupkan kembali.

"Jumlah itu sangat besar, ia memberikan kesan (terputus bekalan elektrik) kepada kawasan perumahan, kilang, pam air sejak beberapa hari lalu.

"Ramai buat aduan sebab semua operasi guna bekalan elektrik termasuk bekalan air, loji banyak tutup sebab bekalan elektrik terganggu, begitu juga talian komunikasi," katanya ketika ditemui pada program Dapur Rakyat Untuk Mangsa Banjir di Pejabat Ahli Majlis Zon 3 Shah Alam di Seksyen 7 di sini, semalam.

Izham berkata, hari ini, satu mesyuarat akan diadakan bagi memperincikan perkara berkenaan dengan pihak berkaitan.

Sementara itu, katanya, kerajaan negeri kini dalam usaha menggerakkan pelan pasca banjir membabitkan pembersihan rumah dan infrastruktur di kawasan terjejas.

IIM 22.12.2021_8